

**Najib digesa kotakan janji arah taklimat MH370 segera kepada Pakatan
Malaysian Insider
11 Apr, 2014
Oleh Diyana Ibrahim**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak digesa untuk mengarahkan agar taklimat khas kepada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) diadakan berhubung kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 kata Penasihat DAP, Lim Kit Siang

Lim berkata ia susulan daripada kegagalan Menteri Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan menepati janjinya untuk mengadakan taklimat khas kepada ahli Parlimen PR baru-baru ini.

"Putrajaya kerap kali mengulangi bahawa Malaysia tidak ada mempunyai kaitan atau menyembunyikan perkara sebenar mengenai kehilangan MH370.

"Bagaimanapun apabila kita meminta untuk memberikan penerangan kenapa mereka tidak menepati janji walhal, Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein semasa di Parlimen sendiri pernah berkata bersedia mengadakan taklimat," katanya [pada](#) sidang media di Ibu Pejabat DAP, Kuala Lumpur.

Najib juga digesa untuk mengotakan janji menubuhkan Jawatankuasa Khas Terpilih Parlimen yang akan dibarisi pemimpin PR bagi menyiasat insiden sebenar MH370.

Lim juga berkata sekiranya jawatankuasa tersebut ditubuhkan sebelum sidang Parlimen berakhir semalam, maka ia akan menjadi sebuah badan bebas yang berkebolehan untuk menyiasat segala dakwaan.

Ini termasuk laporan terbaru daripada media antarabangsa, CNN bahawa Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada pagi kehilangan pesawat MH370 bertindak melancarkan pencarian namun tidak memaklumkan kepada pihak berkuasa.

Mengulas mengenai laporan itu, Lim berkata wujudnya laporan yang mengelirukan dan biarpun Hishammuddin menafikan perkara tersebut seharusnya ada satu badan bertindak menyiasat seperti PSC.

"Laporan itu hanya merujuk kepada sumber pegawai rasmi kerajaan tertinggi, dan siapakah yang benar adakah Hishammuddin atau CNN.

"Sekiranya PSC ditubuhkan maka kita boleh menyiasat dakwaan tersebut dimana disertai dengan laporan lebih menyakinkan dari kerajaan sehingga penutup tragedi tersebut ditemui," katanya.

Lim berkata, penubuhan PSC bukan sahaja dapat menyiasat mengenai dakwaan pencarian TUDM malah membabitkan tiada tindakan dari jabatan itu apabila mendapati MH370 mengubah laluan juga tidak ada pemintasan jet apabila ia dapat dikesan oleh radar tentera.

"Terlalu banyak persoalan yang masih lagi kita nantikan dalam tempoh 35 hari sejak kehilangan MH370.

"Saya bersetuju bahawa keutamaan perlu diberikan pada misi pencarian namun terlalu banyak persoalan dan dakwaan termasuk cara kerajaan menangani krisis ini," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng turut menggesa Hishammuddin untuk segera memberi penjelasan mengenai laporan akhbar milik Umno, Utusan Malaysia, Ahad lalu.

Dalam tulisan penolong pengarang akhbar itu, Ku Seman Ku Hussein mendakwa bahawa Agensi Perisikan Amerika Syarikat (CIA) bertanggungjawab dalam kehilangan MH370.

"Teori mengenai konspirasi MH370 seringkali akan tersebar luas melalui media sosial namun apabila Utusan sendiri menulis dakwaan tersebut maka ia seperti membawa makna lain.

"Kerana itu Hishammuddin perlu segera menjelaskan mengenai laporan akhbar itu," katanya. – 11 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-digesa-kotakan-janji-arah-taklimat-mh370-segera-kepada-pakatan>